



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN : 11 / 2022

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2022

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2022.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai yang dipersyaratkan untuk **LULUS** Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah seperti yang terkandung di dalam Surat Lantikan / Skim Perkhidmatan sebelum ditetapkan dalam jawatan masing-masing.
- 1.2 Pegawai yang mengulang semula kertas peperiksaan yang gagal.

2. JADUAL PEPERIKSAAN

TARIKH	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT
23 Oktober 2022 (Ahad)	Aturan Pejabat (AP)	8.00 - 9.00 pagi	1. Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong 2. Sekolah Rendah Pulaie, Berakas
	Pengetahuan Am (PA)	9.30 - 10.30 pagi	
	Surat Menyurat (SM)	11.00 - 12.30 t/hari	

No



3. BORANG PERMOHONAN

- 3.1 Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Pentadbiran Kementerian atau Jabatan masing-masing atau dimuat turun dari laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu www.jpa.gov.bn

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap berserta dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- 4.2 Borang permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk pengesahan dan sokongan.
- 4.3 Setiap permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(UP: Urusetia PKKR, Unit Perkhidmatan Sumber Manusia)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

exam.hrsu@psd.gov.bn

- 4.4 Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut tatacara yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

5. TARIKH TUTUP

- 5.1 Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat dari hari **Sabtu, 23 Julai 2022 / 24 Zulhijjah 1443.**
- 5.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DILAYAN.**

No



6. PENGECUALIAN

6.1 Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Perdagangan Brunei (sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH**) adalah dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**. *(salinan sijil berkenaan hendaklah disertakan).*

7. HAL-HAL LAIN

7.1 Pemohon yang dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2022 akan dimaklumkan secara rasmi kepada Ketua Jabatan masing-masing dan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu www.jpa.gov.bn .

7.2 Permohonan yang telah didaftarkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam **TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENARIK DIRI** dari menduduki peperiksaan kecuali dengan alasan-alasan yang munasabah dan surat makluman atas ketidakhadiran menduduki peperiksaan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan.

7.3 Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410
E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ لِيَتَوَفَّقَ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Al-Quran Dijunjung Al-Hadits Disanjung Titah Didukung"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/5 Pt.7
Tarikh : 11 Ramadhan 1443 / 13 April 2022